

Orang ramai dinasihati elak makan telur penyu

SH 16/02/08 pg. T3

Pelancaran berkenaan mendapat sokongan dan bantuan daripada sukarelawan dari seluruh negara yang bertindak sebagai 'Duta Penyu'.

■ W. SAIDATUL FADZILAH
W. NAJEMUDIN

KUALA TERENGGANU - Sempena Hari Kekasih, kumpulan Penyelidikan dan Pemuliharaan Penyu dan Tuntung, Institut Oceanografi (INOS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melancarkan Kempen Sayangi Penyu dan Tuntung bermula Februari tahun ini sehingga Februari 2009.

Menurut Ketua Program Penyu dan Tuntung, Profesor Chan Eng Heng, pelancaran berkenaan mendapat sokongan dan bantuan daripada sukarelawan dari seluruh negara yang bertindak sebagai 'Duta Penyu'.

Pelancaran kempen tersebut bertujuan menggalakkan rakyat Malaysia tidak memakan telur penyu dan tuntung sepanjang tempoh tersebut memandangkan wujudnya amalan yang tidak baik sejak beberapa tahun belakangan ini.

"Kebanyakan pelancong tempatan yang datang ke Te-



Prof. Chan (kiri) mengukur penyu yang mati di Pantai Tok Jemal sempena Kempen Sayangi Penyu dan Tuntung bermula Februari ini hingga Februari tahun depan.

rengganu akan membeli dan memakan telur penyu kerana perasaan ingin tahu mereka ditambah pula dengan galakan dari pemandu pelancong yang menyarankan memakan telur penyu sebagai satu kemestian jika melawat Terengganu.

"Peningkatan permintaan telur penyu ke pasaran tempatan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia telah menyebabkan ia sering diseludup dari Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak) yang

mana penjualannya telah diharamkan di sisi undang-undang," katanya.

Selain itu, beliau turut memberitahu bahawa satu laporan terbaru yang diterima dari Manila telah membongkar kegiatan penyeludupan beribu-ribu telur penyu dari Filipina ke Malaysia.

Kumpulan berkenaan turut mengumpul sekurang-kurangnya sejuta rakyat Malaysia untuk menandatangani saranan bahawa mereka tidak akan me-

makan telur penyu dan tuntung sepanjang hayat selain peranan Duta Penyu untuk mendekati masyarakat secara besar-besaran bagi mendapatkan tanda tangan mereka.

"Saranan boleh dibuat melalui e-mel ke turtle@umt.edu.my dengan mesej 'Saya tidak akan memakan telur penyu dan tuntung sepanjang hayat saya' bersama-sama nama serta nombor kad pengenalan untuk pengesahan," katanya.